

Payao UMS tingkat tangkapan ikan tuna

UB 15-02-2012 B1

Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

PAYAO atau 'unjang ikan' yang dipasang oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) di luar perairan Pulau Sipadan November lalu mula membuah hasil apabila ikan tuna bersaiz besar dan bernilai tinggi di pasaran mula bertumpu ke dua buah payao itu.

Penyelaras Program, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata program yang dijalankan oleh Majlis Kesukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (Maskum) UMS itu bertujuan meningkatkan jumlah tangkapan ikan tuna sekaligus mengangkat taraf sosio-ekonomi nelayan tradisional. "Program ini juga bertujuan

“ Program yang dijalankan oleh Majlis Kesukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (Maskum) UMS itu bertujuan meningkatkan jumlah tangkapan ikan tuna sekaligus mengangkat taraf sosio-ekonomi nelayan tradisional.”

PROF MADYA DR ISMAIL ALI,
Penyelaras Program.

untuk meningkatkan pengetahuan pengurusan perikanan tuna laut dalam secara mapan di kalangan nelayan tradisional di Semporna,” kata Ismail sambil menambah, program itu dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Ketua

Menteri, Datuk Nasir Tun Sakaran, di Pulau Mabul 7 November lalu.

Menurutnya, tinjauan dan pemeriksaan yang dijalankan pihaknya pada 4-6 Februari lalu mendapati dua buah payao milik Maskum UMS itu telah dikunungi oleh ikan-ikan tuna dan pelbagai spesies ikan laut dalam yang lain. Dua buah payao itu ditempatkan pada kedalaman melebihi 1000 meter.


“Dengan kehadiran ikan di dua buah payao itu, kalangan nelayan di perairan berkenaan mula menuai hasilnya menggunakan kaedah pancing sehingga mampu mendaratkan ikan tuna sekitar 150-300 kilogram dalam tempoh tiga hari di payao itu,” katanya.

Ismail menjelaskan para nelayan hanya dibenarkan menangkap ikan tuna menggunakan kaedah pancing di payao itu bagi memastikan sumber ikan tuna dapat diurus dengan baik dan berkekalan dalam jangka masa yang panjang.

Mubin Parajah, nelayan dari Pulau Mabul yang menjadi wakil pemantau payao itu memberitahu sebelum ini mereka terpaksa



TANGKAPAN ikan tuna oleh nelayan di Payao UMS.



PAYAO UMS di luar perairan Sipadan.

menangkap ikan tuna di kawasan perairan berhampiran sempadan Filipina dan Indonesia.

“Namun sejak adanya payao itu para nelayan di Semporna tidak lagi perlu menangkap ikan tuna sejauh itu dan keadaan berkenaan telah membantu kami menjimatkan kos minyak di samping keselamatan para nelayan juga lebih terjamin,” katanya sambil berterimakasih kepada UMS atas pemasangan payao itu.

Mubin mengakui pemasangan dua buah payao itu telah membantu para nelayan meningkatkan jumlah tangkapan ikan mereka.

Pada masa ini, kos

penyelenggaraan dan menaiktaraf payao ditanggung sepenuhnya oleh para nelayan dengan cara membayar setiap kilo ikan tuna yang mereka tangkap kepada wakil yang dilantik.

Memandangkan program itu mula membuah hasil dan berjaya mencapai matlamatnya, kata Ismail, Maskum UMS akan menambah dua buah payao lagi dalam tempoh terdekat ini dan akan diperluaskan ke seluruh Sabah secara berperingkat.

“Kita yakin dapat memperbanyakkan pemasangan payao kerana program ini sentiasa mendapat sokongan penuh Naib Canselor UMS, Timbalan Naib Canselor (HEPA) dan Pengerusi

Maskum IPTA,” katanya sambil berharap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian kepada penggunaan kaedah payao di samping pemasangan tukun tiruan.

Pelaksanaan program itu dibuat berikutan Maskum UMS telah diberi kepercayaan oleh Sekretariat Maskum IPTA (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) untuk melaksanakan Program Modul Kelautan di Sabah sebagai tanda komitmen membantu usaha kerajaan meningkatkan taraf sosio-ekonomi para nelayan tradisional di Sabah dan memastikan penangkapan ikan tuna dijalankan secara mapan.